

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**RUJUKAN : 9163**

**SOALAN:**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan mengapakah masalah rempit khususnya di Dungun semakin membimbangkan dan adakah tidak ada Jawatankuasa Khas untuk menangani masalah ini.**

**JAWAPAN:**

Dalam konteks PDRM, pendekatan yang diambil lebih menjurus kepada tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti “Mat Rempit” yang merupakan satu penyakit sosial yang boleh memudaratkan kepada penunggang itu sendiri dan pengguna jalan raya yang lain.

Kegiatan atau aktiviti “ Mat Rempit” masih di bawah kawalan pihak PDRM. Statistik tangkapan di bawah seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 bagi tahun 2010 sehingga 2016 (April) bagi Daerah Dungun adalah seperti berikut:-

Tangkapan	TAHUN						
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Seksyen 41 APJ	01	-	-	-	-	-	-

Pihak PDRM telah menubuhkan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) pada 25 Mac 2016 bertujuan untuk merangka strategi yang lebih berkesan bagi mengurangkan kes kemalangan jalanraya serta tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap pesalah-pesalah trafik termasuk aktiviti “ Mat Rempit”. Di bawah JSPT, akan ditubuhkan Unit Risikan dan Operasi untuk membentaras aktiviti lumba haram, kenderaan klon, kenderaan curi dan sebagainya. Tiada keperluan pada waktu yang terdekat ini untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi menangani masaiah “ Mat Rempit” memandangkan pihak PDRM berkeupayaan untuk mengekang masalah ini dari terus merebak.